

# ورتا قنرغن

## Warta Penerangan



OGOS 2019



# مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن فترغن


Memperkenalkan

## Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**



## DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

### DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

### DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

### DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

### DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.



Available on the App Store



GET IT ON Google Play



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik daripada Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Program Sua Muka platform kongsi isu semasa	5
Kukuhkan hubungan kerajaan dan rakyat	6
Program Sua Muka salurkan maklumat, dasar kerajaan	7
Program Masyarakat Bermaklumat (PMB)	8
Cawangan Penerangan Daerah Belait	9
Ruang Pameran Bangunan Baharu	9
RRP bentuk minda, moral remaja lebih produktif	10
Program Masyarakat Bermaklumat: Landasan sampaikan maklumat rasmi, maksud kerajaan	11
Tingkatkan ilmu pengetahuan melalui siri taklimat	11-12
Lawatan PMB buka minda, beri idea wujudkan perusahaan	12
Penting menjaga, memelihara 'anak-anak kitani'	13
Program Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala kerajaan - rakyat	13-14
Terapkan diri tentang kefahaman halal	14
Jaga kesihatan sesuatu yang dituntut	14
Bengkel beri kefahaman pegawai dan kakitangan	15
Dalami penggunaan terasul dengan betul	15
Pemberita	15-16
Jalankan tugas yang diamanahkan	16
Pedoman	16
Peristiwa Penting Jabatan Penerangan	16
Program Sua Muka ketengahkan isu-isu utama	17
Keprihatinan kerajaan melalui komunikasi bersemuka	18
PMB barigakan usaha kerajaan	19
Peserta PMB kenali kesenian dan adat istiadat	20
Pertanian, agrimakanan tingkatkan pertumbuhan KDNK	21
Peserta PMB adakan lawatan	21-22

## Program Sua Muka platform kongsi isu semasa

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad pada Program Sua Muka atau lebih dikenali Personal Contact bagi Mukim Berakas 'A'.

**M**ENGAMALKAN sikap bergotong-royong dan isu kebersihan bukan sahaja ditangani oleh pihak kerajaan, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada 21 Jamadilakhir 1439 bersamaan 7 Februari 2018.

Hal-hal tersebut, antara yang dikongsi oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa Program Sua Muka (*Personal Contact*) bagi Mukim Berakas 'A', pada hari Isnin, 5 Ogos yang bertempat di

kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'A'.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Ketua Unit Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya; Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir; Pemangku Ketua-ketua Kampung di bawah Mukim Berakas 'A'; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK); dan penduduk-penduduk mukim berkenaan.



**SUASANA** pada Program Sua Muka.

## Kukuhkan hubungan kerajaan dan rakyat

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid

**K**AMPUNG Orang Kaya Besar Imas/Pulaie dan Kampung Pancha Delima/Anggerek Desa kali ini dipilih bagi Program Sua Muka (*Personal Contact*) anjuran Jabatan Penerangan bagi mendengarkan permasalahan atau sebarang isu yang diketengahkan oleh para penduduk kampung berkenaan.

Program yang dilaksanakan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan itu diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Pancha Delima/Anggerek Desa, Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub, pada hari Rabu, 7 Ogos.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim semasa mengongsikan perbagai isu kerajaan yang menjadi kepentingan bersama.*

bin Pengiran Maon, Penghulu Mukim Berakas 'B' selaku Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'A'; Pemangku Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas/Pulaie, Awang Omar bin Haji Dollah, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk-penduduk kampung berkenaan.

Turut menyertai rombongan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dan Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji

Muhd. Muhtaddir.

Semasa program, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan antaranya mengongsikan mengenai isu kebersihan dan sikap bergotong-royong; program-program jabatan di bawah Unit Hubungan Masyarakat, Bendera Negara, akta berkaitan berita palsu dan juga petikan-petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh mengenai perekonomian, kesejahteraan dan pembangunan hidup rakyat dan negara.



*GAMBAR ramai Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim bersama rombongan dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk-penduduk kampung berkenaan.*

## Program Sua Muka salurkan maklumat, dasar kerajaan

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Ketua Rombongan semasa Program Sua Muka bagi Kampung Lambak 'B', Mukim Berakas 'A' ketika menyampaikan penerangan pada program tersebut.*

**P**EMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Ketua Rombongan semasa Program Sua Muka bagi Kampung Lambak 'B', Mukim Berakas 'A', pada hari Khamis, 8 Ogos.

Pemangku Pengarah Penerangan menjelaskan, program yang

dikelolakan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan itu merupakan salah satu program di bawah strategi kerja 'komunikasi bersemuka' yang bersifat personal.

Antara yang menyertai rombongan, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku

Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan; dan Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk-penduduk kampung berkenaan.



*SESI bergambar ramai pada Program Sua Muka bagi Kampung Lambak 'B', Mukim Berakas 'A'.*

## Program Masyarakat Bermaklumat (PMB)

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**P**ROGRAM Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan sebuah program yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan antara lainnya taraf hidup rakyat seperti melalui aktiviti keusahawanan, taklimat-taklimat serta lawatan. Ini setentunya akan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendokong aspirasi negara.

Para peserta program ini biasanya terdiri daripada masyarakat kampung serta orang ramai yang berminat untuk menyertainya.

Program tersebut diisikan dengan beberapa taklimat dan juga mengadakan lawatan ke beberapa buah jabatan kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta serta perusahaan-perusahaan yang dapat meningkatkan pengetahuan serta membuka minda para peserta yang menyertai program ini.

PMB ini diadakan di semua daerah dan dikendalikan oleh cawangan-cawangan Penerangan.



*PROGRAM Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Lupak Luas/Kampung Turap Bau diadakan pada pada hari Selasa, 26 Mac 2019 di Bilik Serbaguna No. 1, Kompleks Sukan Sungai Kebun.*

## Cawangan Penerangan Daerah Belait

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**C**AWANGAN Penerangan Daerah Belait merupakan salah sebuah cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah. Dengan diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pg. Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pg Haji Sellahuddin dan tujuh orang pegawai dan kakitangan, cawangan ini menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program serta pelbagai tugas lain.

Tugas-tugas mereka termasuklah mengendalikan program-program kemasyarakatan bagi penduduk-penduduk mukim dan kampung seperti Program Sua Muka, Program Masyarakat Bermaklumat, Program Awasi Anak Kitani, Program Ramadan Penerangan, Program Sua Muka Penerangan dan Program Muzakarah Penerangan di Daerah Belait.

Seperti cawangan-cawangan di daerah-daerah lain, Cawangan Penerangan Daerah Belait juga mengendalikan Program Taklimat

Kenegaraan dan Rakan Remaja Penerangan di sekolah-sekolah menengah di Daerah Belait.

Cawangan ini juga menyelaras dan memantau pengedaran Pelita Brunei di tempat-tempat yang ditentukan di Daerah Belait. Mengedarkan dan mengagihkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan di Daerah Belait. Mengedarkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, serta juga mengurus dan mengendalikan permohonan PA Sistem di Daerah Belait.

Menyediakan dan memantau sudut-sudut penerangan di Ulu Belait. Membarigakan aplikasi InfoDeptBN kepada penduduk-penduduk mukim dan kampung di Daerah Belait. Program Pentarama



*KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa memberikan Taklimat Kenegaraan di Sekolah St.Margaret's, Seria pada 2 April 2019.*

dan Pertandingan Koir peringkat Daerah Belait setiap tahun juga dikendalikan oleh cawangan ini.

Selain itu, Cawangan Penerangan Daerah Belait juga bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan lain dalam menangani bencana di Daerah Belait selaku ahli jawatankuasa pengurusan bencana daerah. Dan juga bekerjasama dalam pengendalian acara-acara perayaan di Daerah Belait dengan agensi-agensinya lain yang terlibat.

## Ruang Pameran Bangunan Baharu

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**J**ABATAN Penerangan merupakan jabatan yang menjadi tumpuan dalam menyebarkan maklumat yang sahih dan betul kepada masyarakat. Oleh itu, Jabatan Penerangan lazimnya menerima lawatan dari beberapa pihak dalam dan luar negeri. Ruang Pameran Bangunan Baharu juga menjadi perhatian para pengunjung tambahan lagi apabila acara diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan. Ruang pameran tersebut mempamerkan peralatan yang pernah digunakan oleh Jabatan Penerangan bagi pengumpulan dan pembarigaan maklumat, pameran berkaitan dengan sifat dan perwatakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, berkaitan penubuhan Jabatan

Penerangan, garis panduan menggunakan bendera dan logo-logo Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan sebagainya.



*PERALATAN yang pernah digunakan oleh Jabatan Penerangan suatu ketika dahulu.*

## RRP bentuk minda, moral remaja lebih produktif

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

**P**ROGRAM Rakan Remaja Penerangan (RRP) merupakan pendekatan Jabatan Penerangan ke arah memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah dalam menyebarkan maklumat dan kegiatan semasa supaya mereka peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait pada hari Sabtu, 10 Ogos mengadakan Program RRP di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiaah (SM PAPHRSB), Lumut, yang melibatkan seramai 396 penuntut dari Tahun 7, 9 dan 10.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua SM PAPHRSB, Dayang Halizawati binti Haji Kepli.

Program diisikan dengan Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita' dan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Penerangan, Cawangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Acara juga dimeriahkan dengan persembahan koir lagu 'Bahagia Brunei Darussalam' dan nyanyian solo oleh finalis Bintang Penerangan.



*KUIZ Kenegaraan dikendalikan oleh pelawak tanah air jemputan, Dayang Hajah Kasum dan Haji Firdaus.*



*KUMPULAN Koir SM PAPHRSB Lumut menyanyikan lagu kebangsaan dan lagu bendera negara bagi memulakan Program RRP.*



*PERSEMBAHAN drama daripada para penuntut Bahasa Melayu, SM PAPHRSB Lumut.*

## Program Masyarakat Bermaklumat: Landasan sampaikan maklumat rasmi, maksud kerajaan

Oleh: Noraisah Haji Muhammed  
Foto: Hernie Suliana Haji Othman



*UCAPAN alu-aluan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim bagi merasmikan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung RPN Lumut.*

**S**ERAMAI 35 orang terdiri daripada penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut, Mukim Liang pada hari Rabu, 14 Ogos, menyertai Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan, diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung RPN Lumut, Mukim Liang, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Program berkata, usaha Jabatan Penerangan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat adalah sangat penting memandangkan pembangunan masyarakat adalah bergantung kepada ilmu.

Usaha dan hasrat tersebut ujarnya dapat dicapai melalui sesi-sesi yang dikendalikan oleh penceramah-penceramah daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta juga berharap agar para peserta program akan mendapat manfaat daripada program berkenaan.

Dengan adanya program itu diharap akan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat untuk terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.



*SEBAHAGIAN daripada peserta lelaki yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung RPN Lumut, Mukim Liang.*

## Tingkatkan ilmu pengetahuan melalui siri taklimat

Oleh: Noraisah Haji Muhammed  
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

**P**ROGRAM Masyarakat Bermaklumat pada hari pertama iaitu hari Rabu, 14 Ogos diisikan dengan beberapa siri taklimat ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan juga usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat.

Para peserta program mula-mula mendengarkan Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab

Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam daripada Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang mengongsikan tentang tanggungjawab negara kepada rakyat, bermatlamat untuk memberi perlindungan, jaminan dan



*TAKLIMAT Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya.*

kesejahteraan, menyediakan kemakmuran juga kebajikan demi menjaga keselamatan, keamanan dan ketenteraman.

Memandangkan institusi keluarga adalah penting untuk terpelihara daripada keganasan dan ketidakharmonian hidup berkeluarga, taklimat kedua program menyentuh mengenai isu keganasan rumah tangga disampaikan oleh Pegawai Penyiasat, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei, ASP Norainah binti Haji Mohd. Salleh.

Bagi memberi pendedahan mengenai dua aspek pekerjaan dan keusahawanan daripada aspek pekerjaan, para peserta pula didedahkan dengan tatacara memohon pekerjaan di sektor kerajaan menggunakan permohonan secara atas talian, iaitu 'PSC Recruitment', disampaikan oleh pegawai daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pegawai Kerja, Dayang Norefna binti Abdullah.

Antara isi taklimat yang dikongsikan dapat membantu para pencari pekerjaan untuk membuat permohonan dengan betul dan teratur.



*SUASANA penyampaian taklimat bagi peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung RPN Lumut, diadakan di Dewan Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut.*

## Lawatan PMB buka minda, beri idea wujudkan perusahaan

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**P**ROGRAM Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut, Mukim Liang pada sebelah petang hari Rabu, 14 Ogos diisikan dengan mengadakan Lawatan ke Kolam Ikan Air Tawar milik Syarikat Commatra Trading, bertempat di Kampung Layong, Mukim Lamunin.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung RPN Lumut, Mukim Liang, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud.

Ketika berada di kolam ikan tersebut, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat ringkas mengenai Industri Penternakan Ikan Air Tawar yang disampaikan oleh Pembantu Perikanan Kanan, Dayang Aeriena binti Sahri.

Seterusnya para peserta bertolak ke Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kampung Sinaut, di mana mendengarkan taklimat ringkas mengenai Industri



*PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut, Mukim Liang ketika mendengarkan taklimat.*

Pertanian Buah-buahan Tempatan, disampaikan oleh Pegawai Pertanian, Awang Mohamad Faa'id bin Haji Mohamad Kasim.

Para peserta kemudian dibawa melawat ke ladang Nature Fruit Farm.

## Penting menjaga, memelihara 'anak-anak kitani'

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



ORANG Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**P**ROGRAM Awasi Anak Kitani (AAK) diadakan sebagai usaha untuk menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang keselamatan juga mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu dalam negeri.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui jawatankuasa program berkenaan bagi Mukim Keriam dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendirian Berhad diadakan di Dewan Serbaguna Sinaut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pada hari Sabtu, 17 Ogos.

Hadir selaku tetamu kehormat, Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf.

Program diisikan dengan taklimat oleh Ketua

Cawangan JKDN, Dayang Hajah Kharterinah Zeimah binti Haji Ibrahim selaku wakil JKDN, antara lain menjelaskan mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pantauan jabatan tersebut.

Taklimat kedua pula disampaikan oleh Profesional IT, Dayang Ida Frida binti Abu selaku wakil ITPSS yang menyentuh mengenai ancaman dan jenayah siber, selain mengongsikan mengenai kaedah pengguna bijak dalam penggunaan teknologi, termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Manakala wakil daripada BKN, iaitu Penolong Pegawai Narkotik, Awang Ranil bin Rosli dalam taklimatnya mengongsikan mengenai keburukan dadah, yang mana gejala penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat negara kita semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius. Program juga diisikan dengan jualan buku terbitan Jabatan Penerangan dan pameran daripada BKN juga JKDN.



ANTARA yang hadir pada program tersebut.

## Program Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala kerajaan - rakyat

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**P**ROGRAM Sua Muka atau lebih dikenali *Personal Contact* yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan diteruskan lagi pada hari Sabtu, 17 Ogos bagi Kampung Lambak 'A'.



PROGRAM Sua Muka bagi Kampung Lambak 'A'.

## Warta Penerangan 14

Perjumpaan diadakan di kediaman Pemangku Ketua Kampung Lambak 'A', Awang Haji Ibrahim bin Haji Abd. Rahman di Kampung Lambak 'A'.

Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Ketua Kampung Lambak 'A' dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) juga penduduk-penduduk kampung.

Mengetuai rombongan jabatan, Pegawai Penerangan selaku Ketua

Antara yang hadir semasa perjumpaan tersebut, Pemangku

Tujuan program antara lain untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan - rakyat dan rakyat - kerajaan, selain menyampaikan maklumat (isu-isu semasa) dan dasar kerajaan, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Ia juga bertujuan bagi membarigakan maklumat dan program juga perkembangan dan kemajuan mukim melalui akhbar Pelita Brunei.



SESI bergambar ramai pada Program Sua Muka atau lebih dikenali Personal Contact yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan bagi Kampung Lambak 'A'.

## Terapkan diri tentang kefahaman halal

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**P**EGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan menghadiri taklimat Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal pada hari Sabtu, 31 Ogos di Bilik Kuliah 2, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Taklimat tersebut disampaikan oleh Idulfitri Ahmad, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tujuan taklimat tersebut diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan tentang pentingnya mengetahui hal ehwal makanan yang halal dimakan dan sebaliknya.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir mendengarkan taklimat Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal.

## Jaga kesihatan sesuatu yang dituntut

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**P**EGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan menghadiri taklimat program 'Workplace and Health (WAH)' telah diadakan pada hari Sabtu, 31 Ogos di Dewan Bankuet, Aras 1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri. Beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah menghadiri taklimat tersebut dan secara tidak langsung dapat menimba ilmu pengetahuan dari taklimat tersebut dan berpeluang untuk membuat pemeriksaan kesihatan.

SALAH seorang kakitangan Jabatan Penerangan berpeluang membuat pemeriksaan Body Mass Index (BMI).



## Bengkel beri kefahaman pegawai dan kakitangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



SESI disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

**J**ABATAN Penerangan melalui Unit Penyelidikan dan Perkembangan mengadakan Bengkel mengenai Tindakan Komitmen Jabatan Penerangan yang diadakan pada 21 Ogos di Dewan Serbaguna, Bangunan Asal Jabatan Penerangan yang dihadiri seramai 68 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam Bahagian II, III, IV dan V.

Bengkel tersebut disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Tujuan bengkel tersebut diadakan supaya pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dapat mengenal pasti kekangan (*constraints*) dalam Pelaksanaan Program Penggredan Prestasi di Sektor Awam (3PSA), mewujudkan satu mekanisme penilaian prestasi yang sejajar dengan keperluan jabatan dan komitmen-komitmen jabatan dan sebagainya.



PESERTA bengkel mengadakan sesi perbincangan secara berkumpulan dalam bengkel tersebut.

## Dalami penggunaan terasul dengan betul

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**S**ATU taklimat mengenai Terasul dan Protokol daripada Jabatan Adat Istiadat Negara telah diadakan pada 5 dan 6 Ogos di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad. Dengan adanya taklimat sebegini diharap akan dapat memberikan kefahaman dengan lebih jelas lagi kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan tentang penggunaan-penggunaan yang betul dalam berkomunikasi dengan kerabat diraja, orang-orang yang bergelar dan sebagainya untuk diaplisakikan dalam tugas masing-masing.



ANTARA Pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang menghadiri taklimat mengenai Terasul dan Protokol daripada Jabatan Adat Istiadat Negara.

## Pemberita

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**P**EMBERITA merupakan tunggak utama dalam membuat liputan pelbagai acara di dalam negeri untuk dimuatkan dalam Pelita Brunei. Tugas pemberita bukanlah semudah seperti yang disangkakan. Mereka hendaklah membuat liputan berdasarkan perkara yang sahih dan fakta yang betul tanpa ada keraguan mana-mana pihak terhadap apa yang telah mereka tulis. Pemberita yang bertugas di Bahagian Pelita Brunei ialah seramai 11 orang dan mereka diawasi oleh ketua masing-masing. Tugas pemberita tidak tentu masa yang mana ada ketikanya mereka bertugas sebelah pagi, petang dan malam tertakluk kepada jadual yang telah diberikan mengikut acara-acara yang

## Jalankan tugas yang diamanahkan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Jabatan Penerangan



**BERGAMBAR** ramai semasa bertugas sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

### Pedoman

*“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri.”*

*-Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 222.*

### Pemberita

Dari muka 15



*SUASANA di Istana Nurul Iman semasa kakitangan daripada Jabatan Penerangan terdiri daripada pemberita (sebelah kanan hujung dan kiri hujung) semasa membuat liputan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1440H/2019M.*

tertentu. Setiap pemberita dibahagikan kepada beberapa meja iaitu Meja A, Meja B dan Meja C. Penulisan mereka akan disemak dan disunting terlebih dahulu oleh penyemak dan penyunting dan seterusnya ketua meja akan menghalusi penulisan mereka mengikut meja yang telah ditetapkan sebelum dicetak.

### Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

**P**ELITA Brunei keluaran 29 Ogos 2007, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Pejabat Daerah Belait dan Majlis Perundingan Mukim/Kampung (MPM/MPK) akan mengadakan Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan bagi Mukim Liang, Daerah Belait pada hari Sabtu, 1 September 2007.



Objektif majlis perjumpaan ini antara lain ialah untuk mewujudkan jalinan muhibah di antara kerajaan dengan orang ramai melalui sesi dialog, di samping mewujudkan masyarakat Brunei yang bermaklumat.

Sehubungan dengan itu, kepada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Liang, Majlis Perundingan Kampung Lumut 1, Majlis Perundingan Kampung Lumut 2 dan Majlis Perundingan Kampung Sungai Liang serta penduduk-penduduk yang dijemput supaya akan dapat hadir bagi mengikuti majlis itu nanti.

## Program Sua Muka ketengahkan isu-isu utama

Oleh: Khartini Hamir  
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

**D**ALAM era digital ini, maklumat disebarkan dengan cepat, terutama wujudnya pelbagai aplikasi seperti *Whatsapp*, *WeChat*, *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*.

Walau bagaimanapun, didapati beberapa kejadian yang disampaikan merupakan maklumat palsu, yang membuatkan orang ramai berasa takut dan cemas.

Selain itu juga isu mengenai kebersihan bukan hanya untuk ditangani oleh pihak kerajaan sahaja, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama dan orang ramai dinasihatkan untuk menjaga kebersihan di tempat-tempat awam dengan membuang sampah di tong-tong sampah yang disediakan termasuk di kampung-kampung.

Perkara itu antara yang diketengahkan oleh Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhd. Khairulhadi bin



*KETUA Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir selaku Ketua Rombongan semasa Program Sua Muka (Personal Contact) ke Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Berakas.*

Haji Muhd. Muhtaddir selaku Ketua Rombongan menerusi Program Sua Muka (*Personal Contact*) ke Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Berakas, pada hari Sabtu, 24 Ogos.

Program diadakan di rumah kediaman Pemangku Ketua Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Berakas, Awang Haji Omar Ali bin

Haji Mohd. Daud itu, turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' dan Pemangku Penghulu Mukim Berakas 'A'.

Pelbagai isu berkaitan mengenai penyediaan prasarana, kemudahan, hal ehwal keselamatan dan kebajikan awam turut dibangkitkan menerusi program berkenaan.



*SESI bergambar ramai.*

## Keperihatinan kerajaan melalui komunikasi bersemuka

Oleh: Haniza Abdul Latif  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**I**SU kebersihan bukan sahaja ditangani oleh pihak kerajaan, tetapi ia adalah tanggungjawab, oleh itu orang ramai dinasihatkan untuk menjaga kebersihan di tempat-tempat awam dengan membuang sampah di tong-tong sampah yang disediakan, termasuk di kampung-kampung.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim mengongsikan perkara tersebut semasa Program Sua Muka bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri dan Kawasan Sekitarnya pada hari Isnin, 26 Ogos bertempat di rumah kediaman Pemangku Ketua Kampung tersebut, Awang Haji Mohd. Tahir bin Timbang.

Menyentuh mengenai Program



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim (kiri) selaku ketua rombongan semasa Program Sua Muka bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya.*

Sua Muka jelasnya, program Jabatan Penerangan dan berkenaan dikelolakan oleh Unit merupakan salah satu program di Hubungan Masyarakat, Bahagian bawah strategi kerja 'komunikasi Kenegaraan dan Kemasyarakatan, bersemuka' yang bersifat personal.



*SESI bergambar ramai semasa berlangsungnya Program Sua Muka bagi Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya.*

## PMB barigakan usaha kerajaan

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**L**EBIH 40 peserta terdiri daripada penduduk Kampung Sengkarai, Kampung Penabai dan Kuala Tutong menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang berlangsung selama dua hari bermula pada hari Isnin, 26 Ogos.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan program di Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong, Kampung Serambangun, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Pemangku Pegawai Penerangan Kanan yang juga Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Pengerusi Program dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menjelaskan program tersebut merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan.



*AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku tetamu kehormat majlis menadah tangan ketika doa dibacakan.*



*SESI bergambar ramai.*

## Peserta PMB kenali kesenian dan adat istiadat

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Hamzah Mohidin

**P**ESERTA Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan yang disertai oleh 49 orang itu terdiri daripada para penduduk Kampung Sengkarai, Kampung Penabai, Kuala Tutong mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dan Jabatan Adat Istiadat Negara pada hari Isnin, 26 Ogos.

Pada lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan yang diadakan pada sebelah pagi itu, para peserta diperdengarkan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Pemasaran, Dayang Siti Norrizan binti Haji Abdul Halim.

Pada sebelah petang, para peserta mengadakan lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara



*PARA peserta PMB ketika membuat lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.*

iaitu untuk mengetahui bahasa dalam dan kepentingannya, terasul dan bahasa pengganti diri, adat istiadat dan lawatan ke Bangunan Lapau.

Semasa lawatan, para peserta

berpeluang mendengarkan taklimat mengenai dengan bahasa dalam dan kepentingannya, terasul dan bahasa pengganti yang disampaikan oleh Muhammad Zaim bin Mahmud.



*PEGAWAI Penyelidik Adat Istiadat Negara, Muhammad Zaim bin Muhammad Mahmud ketika menyampaikan taklimat.*

## Pertanian, agrimakanan tingkatkan pertumbuhan KDNK

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

**P**ESERTA Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) terdiri daripada para penduduk Kampung Sengkarai, Kampung Penabai, Kuala Tutong, pada hari Selasa, 27 Ogos mendengarkan taklimat daripada Pegawai Pertanian di Bahagian Industri Tanaman, Muhammad Faa'id bin Haji Mohammad, juga selaku Ketua Unit Lepas Tuai mengenai Industri Pertanian dan Agrimakanan adalah salah satu sektor utama yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan Kepelbagaian Ekonomi

Taklimat seterusnya disampaikan oleh Pembantu Haiwan Kanan, Bahagian Industri Ternakan, Awang Hasdattulamin bin Haji Md. Tahir mengenai Industri Ternakan serta



*SEBAHAGIAN peserta PMB semasa mendengarkan taklimat mengenai Industri Tanaman serta Keusahawanan di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.*

Keusahawanan di Negara Brunei Darussalam antara lain menyentuh mengenai industri ternakan, antaranya cara memelihara dan mengusahakan ternakan serta

mengenai pemprosesan makanan dari ternakan seperti makanan berproses dan dalam tin seperti *nuggets* dan sosej dan peluang eksport.

## Peserta PMB adakan lawatan

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman/Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said/Muhammad Asri Haji Awang Abas



*EKSEKUTIF Komunikasi Pemasaran Rimba Garden Central (RGC), Awang Muhammad Fairuz bin Haji Aminuddin ketika menyampaikan taklimat ringkas mengenai RGC kepada para peserta rombongan PMB pada hari Selasa, 27 Ogos.*



*PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Sengkarai dan Kampung Penabai Kuala Tutong ketika mengunjungi RGC.*

*ANTARA tanaman yang menarik perhatian peserta ketika lawatan ke Perusahaan RZ Prisma.*




*PENGURUS Am Perusahaan RZ Prisma, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail semasa menerangkan mengenai tanaman asparagus kepada rombongan peserta bagi Program Masyarakat Bermaklumat pada hari Selasa, 27 Ogos.*

# BUKU TERBAHARU

## Terbitan Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri

Bagi awda yang ingin membeli buku TITAH 2018, sila datang ke Unit Sokongan, Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas atau di Pejabat-pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait; Daerah Tutong; dan Daerah Temburong.



### JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

#### BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

BAGI awda yang ingin membeli buku-buku terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, sila datang ke :

Unit Sokongan, Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas

atau

Di Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait,  
Tutong Dan Temburong

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Tel : 2383400, Faks : 2382242  
Pejabat Cawangan Daerah Belait, Tel : 3224636  
Pejabat Cawangan Daerah Tutong, Tel : 4220290  
Pejabat Cawangan Daerah Temburong, Tel : 5221342

#### SENARAI HARGA BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN UNTUK DIJUAL

1. TITAH 1988 - 1989  
Harga : BND5.50
2. TITAH 1990 - 1991  
Harga : BND8.00
3. TITAH 2009  
Harga : BND6.00
4. TITAH 2010  
Harga : BND11.50
5. TITAH 2011  
Harga : BND12.00
6. TITAH 2012  
Harga : BND7.50
7. TITAH 2013 (K)  
Harga : BND6.50
8. TITAH 2014  
Harga : BND6.00
9. TITAH 2015  
Harga : BND5.00
10. TITAH 1984 - 1987  
Harga : BND5.50
11. TITAH 2016  
Harga : BND4.00
12. TITAH 2017  
Harga : BND5.00
13. SABDA 2012 (W.B)  
Harga : BND3.50
14. SABDA 2013 (K)  
Harga : BND4.00
15. SABDA 2014  
Harga : BND2.00
16. SABDA 2015  
Harga : BND4.00
17. SABDA 2016  
Harga : BND2.00
18. SABDA 2017  
Harga : BND3.00
19. KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011 - 2016  
Harga : BND3.50
20. HALUAN 2012  
Harga : BND23.00
21. HALUAN 2015 - 2016  
(22 OKTOBER 2015 hingga 31 DISEMBER 2016)  
Harga : BND12.50
22. HALUAN 2015  
(1 JANUARI 2015 hingga 21 OKTOBER 2015)  
Harga : BND10.00
23. HALUAN 2017  
Harga : BND8.50
24. BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2017  
Harga : BND11.50
25. BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2018  
Harga : BND5.00
26. BRUNEI - MUARA DISTRICT  
Harga : BND4.00
27. BELAIT DISTRICT  
Harga : BND3.50
28. TUTONG DISTRICT  
Harga : BND3.50
29. TEMBURONG DISTRICT  
Harga : BND3.50
30. BRUNEI TODAY SEPTEMBER 2017 JUBLI EMAS  
Harga : BND3.50
31. BRUNEI TODAY JUNE 2018  
Harga : BND2.50
32. BRUNEI TODAY SEPTEMBER 2018  
Harga : BND2.50

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**